

Integriti jadi agenda kepemimpinan

Tokoh akademik anggap pendekatan Pak Lah menyerlah, telus dan lebih demokrasi

B.H 06/02/08 M/S 9

4 tahun berlalu

Oleh Jamhariah Jaafar dan Jami'ah Shukri

SETIAP permasalahan timbul terutama membabitkan isu kontroversi akan cuba diselesaikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerusi pendekatan tersendiri seperti penubuhan jawatankuasa khas atau Suruhanjaya Diraja sejak memimpin negara empat tahun lalu.

Tindakan Perdana Menteri itu, berjaya merungkakan masalah, mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab dan motif sesuatu isu dibangkitkan yang akhirnya memuaskan hati semua pihak, sekali gus mematikan segala isu yang berpotensi untuk dieksploitasi pihak tertentu yang berkepentingan termasuk pembangkang.

Isu paling ketara adalah penubuhan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia 2004 untuk menangani isu anggota polis yang dikritik hebat disebabkan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Dalam kes terbaru, penubuhan Suruhanjaya Diraja Klip Video Lingam juga memamerkan bahawa Abdullah mengamalkan prinsip demokrasinya untuk membersihkan imej institusi kehakiman negara yang terpalit berikutan rakaman klip video perbualan antara Datuk V K Lingam dengan hakim kanan yang dikatakan mengatur pe-

lantikan hakim.

Ketua Pusat Pengajian Keadilan Jenayah, Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Madya Datuk Abdul Halim Sidek, berkata walaupun kalangan rakyat menganggap Abdullah seorang pemimpin lembut, pendekatan terserlah dan memperlihatkan sikap terbuka, telus dan demokrasi, amat disenangi.

"Saya rasa tidak adil jika kita bandingkan Abdullah dengan empat Perdana Menteri lain kerana masing-masing mempunyai pendekatan dan cara tersendiri.

"Bagi kita, pada zaman Pak Lah banyak Suruhanjaya Diraja ditubuhkan dan ia memperlihatkan beliau seorang yang berani dan telus untuk menangani isu berbangkit demi keadilan semua pihak," katanya.

Abdul Halim berkata, sejak menjadi Perdana Menteri beliau bersungguh-sungguh mewujudkan integriti di kalangan sektor awam dengan melaksanakan Pelan Integrasi Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) untuk melaksanakan pelbagai perkara berbangkit, khususnya isu rasuah.

"Kecaman terhadap polis amat hebat. Oleh itu beliau menubuhkan Suruhanjaya Diraja Polis bagi menyelesaikan penyelewengan kuasa, rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan anggota terbabit," katanya.

Ternyata, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri tidak mahu institusi kepolisian yang menjaga keamanan dan ketenteraman awam terancam dengan pelbagai imej buruk.

Bagaimanapun, disebabkan pada zaman

pentadbirannya, banyak perkara berlaku antaranya ekonomi merudum, banyak projek pembangunan dibekukan, demonstrasi jalanan seperti dianjurkan Badan Bertindak Hak Asasi Hindu (Hindraf) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih), rakyat menganggap beliau gagal menjadi pemimpin yang hebat hingga menyebabkan keadaan menjadi huru-hara.

"Pak Lah tidak suka mengaibkan orang lain termasuk pemimpin terdahulu. Sikapnya yang terlalu terbuka dan banyak mendedahkan diri mengenai sesuatu isu membolehkan ramai menganggu beliau seorang yang lembik dan tidak tegas.

"Personalitinya berbeza kerana ia lebih bersikap mendedahkan diri. Kalau dia tidak suka, dia diamkan diri dan mahu orang tahu sendiri apa salah mereka," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Majlis Peguam, Ragnath Kesavan, berkata persekitaran serta suasana politik di bawah pentadbiran Abdullah sejak empat tahun lalu lebih terbuka, berbanding ketika zaman pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Bagi Majlis Peguam, Dr Mahathir tidak pernah memberi peluang dan membuka pintu untuk kami menyuarakan pendapat... tidak pernah. Berbanding dengan Pak Lah yang kami temui dua kali," katanya.

Peguam ini menafikan tindak tanduk majlis berkenaan dalam demonstrasi lalu sebagai mengambil kesempatan atas sikap keterbukaan Perdana Menteri, sebaliknya ia boleh dibuat secara aman berikutan sikap pentadbiran kerajaan hari ini yang menyayakan rakyat tidak lagi mengalami *climate of*

fear (persekitaran yang membimbangkan).

"Suasana pentadbiran kerajaan ini tidak lagi menghalang kami daripada berbincang dengan pemimpin negara", katanya.

Menjawab soalan, Ragnath berpendapat Perdana Menteri bekerja keras untuk mendengar segala rintihan rakyat, namun rakyat tidak boleh berharap beliau bekerja seorang diri'.

"Setiap orang perlu menjalankan peranan masing-masing. Pelbagai suruhanjaya diraja diwujudkan sejak Pak Lah mengambil alih kuasa empat tahun lalu dan yang paling kritikal dalam sistem perundangan negara ialah Suruhanjaya Diraja terkini membabitkan pelantikan ketua hakim negara," katanya.

Bagaimanapun, dalam ketelusan Pak Lah melaksanakan tugas, Majlis Peguam masih tidak puas hati dengan beberapa keputusan terutama membabitkan isu cara pelantikan Ketua Hakim Negara serta jawatan penting lain dalam sistem kehakiman, serta tindakan kerajaan hanya menerima pakai 25 peratus cadangan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain keputusan kerajaan membentuk Suruhanjaya Aduan Khas yang tidak mempunyai kuasa mengambil sebarang tindakan.

"Kita ambil kes Suruhanjaya Diraja membabitkan kes V K Lingam sekarang, ternyata cara pelantikan Ketua Hakim Negara amat mudah disalah guna kerana ia bergantung kepada siapa Perdana Menteri, siapa menteri yang bertanggungjawab atas undang-undang, serta siapa Ketua Hakim Negara ketika itu," katanya.